



MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia \* Company No. 524898-M

## The Observer

23 September 2016

### MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Untuk makluman pembaca, kami dapat aliran masuk bersih terkumpul dari luar negara ke dalam pasaran saham tempatan berjumlah RM2.38 bilion setakat tahun ini. Jumlah ini jelas berbeza dengan tahun terdahulu, iaitu aliran keluar sebanyak RM19.5 bilion pada 2015 dan RM6.9 bilion pada 2014.

Namun, keputusan mengenai kadar faedah utama dalam dasar kadar faedah Bank of Japan (BoJ) dan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat terus memberi kesan terhadap sentimen global dan aliran dana.

Keputusan Rizab Persekutuan untuk mengekalkan kadar faedah minggu ini, menunjukkan data ekonomi Amerika Syarikat yang sejak kebelakangan ini mengalami pertumbuhan lembab. Justeru itu, tidak menghairankan sekiranya Rizab Persekutuan tidak menaikkan kadar.

Bagaimanapun, pasaran masih menjangkakan perubahan untuk tahun ini, sekurang-kurangnya dua kenaikan kadar dan bukan empat kenaikan seperti yang dijangka sebelum ini, sekaligus membuktikan kebimbangan terhadap kitaran kenaikan kadar ini.

Perkara yang sama berlaku kepada BoJ, yang bukan sahaja mengambil keputusan mengubah dasar kadar faedahnya kepada angka negatif minggu lalu, tetapi juga tidak menolak kemungkinan berlakunya tambahan pemotongan.

Ketika ekonomi Amerika Syarikat dan Jepun bergelut dengan ketidaktentuan, Malaysia turut terasa bahangnya. Dalam keadaan ekonomi negara yang perlahan, pelbagai langkah dicadangkan untuk merancakkan ekonomi tempatan, termasuk cadangan baru-baru ini yang membolehkan pemaju menawarkan pinjaman perumahan.

Walaupun langkah itu boleh mencetuskan perubahan kecil yang diharapkan dalam aktiviti ekonomi jangka pendek dan sederhana, ia mempunyai banyak kelemahan.

Pertama, akan timbul risiko jika menawarkan pinjaman tambahan kepada peminjam yang tidak dapat membayar deposit yang diperlukan untuk membeli rumah

Membolehkan seseorang meminjam jumlah tambahan ini pada kadar yang sangat tinggi iaitu 12 - 18% setahun, ibarat memasang bom yang akan meletup pada masa hadapan. Krisis kewangan global 2008 telah dicetuskan oleh gadai-janji subprima, mempunyai profil sedikit sebanyak seperti yang dicadangkan dalam pelan ini.

Sebab kedua dan sama penting, pemaju harta tanah yang menjadi peminjam (dengan tahap permodalan yang diperlukan) boleh menyebabkan mereka menyimpang daripada aktiviti teras

mereka. Situasi ini boleh mencetus risiko yang tidak diperlukan kepada sistem sedia ada yang sudah pun mempunyai hutang isi rumah paling tinggi dalam ASEAN.

Dalam perkembangan lain, di mesuarat agung iCapital (ICAP) beberapa konflik antara salah satu daripada pemegang sahamnya City of London Investment Management (CLIM) dan pengarah syarikat.

Dua bantahan yang diketengahkan oleh CLIM iaitu pendiskaunan harga saham ICAP kepada Nilai Aset Bersih (NAV) dan tahap tunai yang berterusan tinggi iaitu lebih 50%. Keadaan ini tidak disenangi oleh pemegang saham kerana pengurusan telah dibayar yuran peratusan yang tinggi untuk mengurus dana. Oleh yang demikian, CLIM mengambil tindakan yang sama seperti tahun lepas iaitu menentang pemilihan semula pengarah ICAP, meminta pemulangan lebihan tunai kepada pemegang saham serta memulakan program pembelian semula saham. Kami berharap pemegang saham ICAP akan menghadiri AGM tersebut dan mendengar apa yang mahu disampaikan oleh Lembaga Pengarah serta mengundi resolusi yang dibentangkan oleh syarikat.

Rita

---

#### PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

##### ***ICAPITAL.BIZ BERHAD ("ICAP")***

ICAP akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-12 ("AGM") pada jam 9.00 pagi, 24 September 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Kuala Lumpur. City of London Investment Management Limited ("CLIM"), yang memegang 15.7% saham ICAP, telah menyatakan mereka akan menentang pelantikan semula pengarah, termasuk Puan Leong So Seh, di AGM ICAP.

[Sumber: Pengumuman ICAP di laman web Bursa Malaysia pada 29 Ogos 2016]

##### **KOMEN MSWG:**

CLIM, sebagai pemegang saham tunggal terbesar ICAP, telah menyatakan tidak akan mengundi pelantikan semula Puan Leong So Seh. CLIM dikatakan mendakwa ICAP tidak menjawab surat bertarikh 26 Ogos 2015 yang memetik prestasi lemah ICAP dan diskaun tinggi yang berterusan kepada nilai aset bersih (NAB).

[Pautan:<http://www.iii.co.uk/research/LSE:CLIG/news/item/2111078/letter-icapitalbiz-berhad?context=LSE:CLIG>]

Walaupun kami percaya CLIM mempunyai hak untuk menyuarakan keimbangan mengenai operasi dana, kami juga mendapati keimbangan ini telah disuarakan oleh ICAP pada AGM bertarikh 19 September 2015. Malangnya, kami tidak dapat mengesahkan sama ada wakil CLIM menghadiri mesyuarat ini atau tidak.

Kami menggesa semua pemegang saham ICAP untuk menghadiri AGM pada 24 September 2016 dan membuat keputusan yang sewajarnya selepas mempertimbangkan semua pandangan daripada kedua-dua belah pihak.

### **MALAYSIA PACKAGING INDUSTRY BERHAD ("MAYPAK")**

Lembaga Pengarah Maypak ("Lembaga") mengumumkan mereka telah dimaklumkan oleh Taisei Lamick Sdn Bhd ("TLC") bahawa Perjanjian Jual Beli (SPA) antara TLC dan Toyo Seikan Co., Ltd ("TSCL") berhubung Cadangan Pengambilalihan telah diisyiharkan sebagai tanpa syarat pada 15 September 2016.

Lembaga Pengarah juga mengumumkan, pada tarikh yang sama, syarikat itu menerima notis tawaran pengambilalihan mandatori tanpa syarat ("Notis") daripada RHB Investment Bank Berhad bagi pihak Pembuat Tawaran untuk memperoleh semua baki saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dalam Maypak yang belum dipegang oleh Pembuat Tawaran ("Saham Tawaran") pada harga tawaran tunai RM0.65 setiap Saham Tawaran ("Tawaran").

Selaras dengan Peraturan Pengambilalihan, Penggabungan dan Pengambilalihan Wajib, Lembaga Pengarah (kecuali Encik Mitsuru Hiramuki dan Encik Akihiko Takano, yang dianggap mempunyai kepentingan dalam Tawaran) telah memutuskan untuk melantik Mercury Securities Sdn Bhd sebagai penasihat bebas untuk menasihati pengarah dan pemegang Saham Tawaran tidak berkepentingan berhubung dengan Tawaran.

*[Sumber: Pengumuman Maypak di laman web Bursa Malaysia pada 15 September 2016]*

### **KOMEN MSWG:**

Pada 29 Julai 2016, TLC bercadang untuk mengambilalih 54.95% saham Maypak daripada TSCL pada harga RM0.166 bagi setiap saham Maypak ("Cadangan Pembelian") dan TLC perlu melanjutkan tawaran am mandatori untuk membeli kesemua baki saham Maypak ("MGO").

Selepas Perolehan Cadangan selesai, TSCL akan mengenepikan semua jumlah tertunggak yang terhutang oleh syarikat kepada TSCL kira-kira RM32,770,796. Berikutnya itu, aset bersih sesaham Maypak meningkat daripada RM0.54 kepada RM1.32.

Walaupun harga tawaran tunai terbaru bagi MGO adalah lebih tinggi daripada harga tawaran iaitu RM0.166 untuk Cadangan Pengambilalihan dan pada premium sebanyak 13% kepada harga pasaran iaitu RM0.575 pada 14 September 2016 (sehari sebelum pengumuman MGO pada 15 September 2016), harga tawaran MGO iaitu RM0.65 masih pada diskaun yang ketara iaitu sehingga 50.8% kepada aset bersih terkini sesaham iaitu RM1.32. Oleh itu, terpulang kepada penerima tawaran untuk menilai sama ada tawaran MGO tersebut adalah adil dan wajar.

### ***MULTI SPORTS HOLDINGS LTD ("MSPORTS")***

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh MSports pada 21 September 2016, pada 20 September 2016, Bursa Malaysia telah dimaklumkan mengenai perkembangan Msports yang berikut:

Pada 19 September 2016, Encik Paramjit Singh Gill, selaku pemegang benefisial 72,198,300 saham biasa yang mewakili 11.898% modal saham terbitan dan berbayar MSports, telah mengeluarkan Notis Mesyuarat Agung Khas ("SGM") kepada para pemegang saham, menurut Seksyen 74 Akta Syarikat Bermuda 1981 ("Notis SGM"). Mesyuarat Agung Khas ini akan diadakan di Ballroom, Kelab Diraja Selangor, Jalan Raja, Dataran, 50704 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, pada jam 3.00 petang, 4 Oktober 2016.

*[Sumber: Pengumuman MSports di laman web Bursa Malaysia pada 21 September 2016]*

**KOMEN MSWG:**

Kami sudah menyatakan dalam surat berita kami sebelum ini, SGM tersebut adalah untuk melantik lima pengarah bebas tambahan warganegara Malaysia ke dalam Lembaga Pengarah MSports. Oleh itu, kami menyeru kepada semua pemegang saham MSports, terutama pemegang saham minoriti untuk menghadiri SGM demi membincangkan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengkaji semula operasi syarikat dan berusaha mengeluarkan syarikat itu daripada penggantungan dagangan di Bursa Malaysia serta mengundi resolusi yang dicadangkan bagi melantik lima pengarah baru.

---

**SENARAI PEMERHATIAN MSWG**

**PARKSON HOLDINGS BERHAD ("PHB")**

Parkson Retail Group Limited ("PRGL"), sebuah anak syarikat 54.67% milik PHB mengumumkan pada 13 September 2016, PRGL dan vendor, sebuah anak syarikat milik penuh tidak langsung PHB, telah memeterai perjanjian rangka kerja pemindahan ekuiti ("EFA") untuk melupuskan keseluruhan kepentingan ekuiti dalam anak syarikat milik penuh China dan Pinjaman Pemegang Saham yang relevan ("Transaksi").

Lembaga Pengarah seterusnya menjelaskan Transaksi akan menghasilkan yang berikut, dengan andaian Transaksi selesai pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017:

- a. pendapatan Kumpulan Parkson Holdings Berhad ("Kumpulan") bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017 akan meningkat kira-kira RM300 juta (28 sen sesaham);
- b. secara proforma, aset bersih Kumpulan berdasarkan penyata kedudukan kewangan disatukan yang diaudit pada 30 Jun 2015 akan meningkat kira-kira RM300 juta (29 sen sesaham);
- c. tiada perubahan ke atas modal terbitan dan berbayar serta pemegangan saham pemegang saham utama dalam Syarikat; dan
- d. tiada kesan ketara ke atas penggearan Kumpulan.

(Kadar pertukaran diandaikan pada RMB1.00: RM0.61 untuk tujuan pengumuman ini)

[*Sumber: Pengumuman PHB di laman web Bursa Malaysia pada 13 September 2016]*

**LION CORPORATION BERHAD ("LION CORP")**

Lembaga Pengarah Lion Corp menjelaskan dalam pengumuman yang dibuat oleh Syarikat dalam Laporan Kewangan Interim bagi suku tahun berakhir 31 Mac 2016 dan 30 Jun 2016, bahawa Megasteel Sdn Bhd ("Megasteel") telah menghentikan operasi buat sementara waktu berikut pengumuman yang dibuat pada Januari 2016 oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang menyatakan Kerajaan telah menamatkan penyiasatan Petisyen Perlindungan ke atas Gegelung Panas ("Hot Rolled Coils") yang diimport ("Keputusan Kerajaan"). Tindakan ini memberi kesan ke atas operasi Megasteel yang mengakibatkan pemberhentian kakitangannya.

[*Sumber: Pengumuman Lion Corp di laman web Bursa Malaysia pada 14 September 2016]*

### **SONA PETROLEUM BERHAD ("SONA PETROLEUM")**

Lembaga Pengarah Sona Petroleum memaklumkan tuntutan Law Asia Pte Ltd telah diselesaikan oleh pihak ketiga, tanpa pengakuan liabiliti di pihak Sona Petroleum.

Lembaga Pengarah juga memaklumkan Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur pada 15 September 2016 telah mengeluarkan perintah ("Perintah") untuk menggulung syarikat itu dan melantik Lim San Peen dan Datuk Mohd Anwar bin Yahya, kedua-duanya dari PricewaterhouseCoopers Advisory Services Sdn. Bhd., sebagai penyelesai bersama dan/atau berasingan bagi syarikat itu. Jumlah kasar wang yang dipegang dalam akaun amanah wang tunai adalah RM543,251,582.23. Oleh itu, nilai agihan kasar bersamaan RM0.4938 sesaham (tidak termasuk cukai dan kos pengedaran lain).

Berikutnya peristiwa di atas, perdagangan saham Sona Petroleum akan digantung berkuat kuasa pada 27 September 2016.

[Sumber: Pengumuman Sona Petroleum di laman web Bursa Malaysia pada 19 September 2016]

### **SCAN ASSOCIATES BERHAD ("SCAN ASSOCIATES")**

Lembaga Pengarah Scan Associates mengumumkan, pada 19 September 2016, syarikat itu telah mengemukakan permohonan rayuan kepada Bursa Malaysia terhadap pembatalan penyenaraian sekuriti Scan Associates dan memohon lanjutan masa satu (1) tahun untuk mengemukakan pelan regularisasi kepada Bursa Malaysia.

[Sumber: Pengumuman Scan Associates di laman web Bursa Malaysia pada 19 September 2016]

---

### **BERITA DAN PERKEMBANGAN DALAM NEGARA**

Foreign IPOs on Bursa: did we let the black sheep in?

<http://www.theedgemarkets.com/my/article/foreign-ipos-bursa-did-we-let-black-sheep?type=Corporate>

Malaysian palm export tax to dampen demand, but output under pressure

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2016/09/16/malaysian-palm-export-tax-to-dampen-demand-but-output-under-pressure/>

CLIM to vote against re-election of ICAP director

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2016/09/16/clim-to-vote-against-reelection-of-icap-director/>

World Bank: Malaysia outperforms regional peers in 2016, but slips in logistic performance ranking

<http://www.theedgemarkets.com/my/article/world-bank-malaysia-outperforms-regional-peers-2016-slips-logistic-performance-ranking?type=Corporate>

Bursa plans Indonesia syariah stock trading link

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2016/09/16/bursa-plans-indonesia-syariah-stock-trading-link/>

Property launches continue to decline: Survey

<http://www.thesundaily.my/news/1971319>

Malaysia to launch world's first Islamic venture capital fund

<http://www.thesundaily.my/news/1972719>

---

## BERITA DAN PERKEMBANGAN LUAR NEGARA

Fed meeting grabs spotlight amid volatility comeback

<http://www.theedgemarkets.com/my/article/fed-meeting-grabs-spotlight-amid-volatility-comeback?type=Corporate>

Weak US retail sales dim Fed September rate hike prospects

<http://www.theedgemarkets.com/my/article/weak-us-retail-sales-dim-fed-september-rate-hike-prospects?type=Corporate>

China Q3 business confidence index rises, survey finds

<http://www.themalaymailonline.com/money/article/china-q3-business-confidence-index-rises-survey-finds>

Japan's finance industry lobbies against deeper BOJ negative rates

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2016/09/16/japan-finance-industry-lobbies-against-deeper-boj-negative-rates/>

New York AG investigating Exxon's accounting practices

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2016/09/17/new-york-ag-investigating-exxons-accounting-practices/>

Indonesia 2016 budget deficit may swell to 2.7% of GDP

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2016/09/17/indonesia-2016-budget-deficit-may-swell/>

U.S. regulators announce recall of 1 million Samsung phones

<http://www.theedgemarkets.com/my/article/us-regulators-announce-recall-1-million-samsung-phones?type=Corporate>

US seeks US\$14 billion from Deutsche Bank over mortgage bonds

<http://www.nst.com.my/news/2016/09/173500/us-seeks-us14-billion-deutsche-bank-over-mortgage-bonds>

World Bank chief Kim heads for 2nd term, as no other nominees

<http://www.nst.com.my/news/2016/09/173181/world-bank-chief-kim-heads-2nd-term-no-other-nominees>

Singapore's Swiber to default on coupon payment

<http://www.thestar.com.my/business/business-news/2016/09/18/singapore-swiber-to-default-on-coupon-payment/>

---

# Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, [lyarahman@mswg.org.my](mailto:lyarahman@mswg.org.my)

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat [rebecca.yap@mswg.org.my](mailto:rebecca.yap@mswg.org.my)

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat [banaik.quah@mswg.org.my](mailto:banaik.quah@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat [norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my)

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, [kinwing@mswg.org.my](mailto:kinwing@mswg.org.my)

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat [linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my)

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat [khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my)

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat [vinodth.ram@mswg.org.my](mailto:vinodth.ram@mswg.org.my)

---

## **PENZAHIRAN KEPENTINGAN**

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Malaysia Packaging Industry Berhad dan Scan Associates Berhad.*
- 

## Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke [mswg.ceo@mswg.org.my](mailto:mswg.ceo@mswg.org.my).

---

## **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*